

Empat keluarga asnaf terima kunjungan Raya MAIWP Prihatin

Oleh Henry Bating

LABUAN: Seramai empat keluarga asnaf di empat kampung di sini menerima kunjungan dalam program Ziarah Raya Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Prihatin.

Pengurus MAIWP Labuan Ustaz Ahmad Saifuddin Md Tahir mengetuai rombongan pegawai majlis itu menyantuni empat keluarga berkenaan yang tinggal di Kg Patau-Patau dua, Kg Ranche-Ranche Darat, Kg Kilan dan Kg Tanjung Aru.

"Semua keluarga itu merupakan antara penerima bantuan zakat MAIWP melalui pelbagai skim," katanya.

Menurut beliau, antara skim bantuan yang diberikan ialah Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Sewa Rumah Bulanan, Bantuan Musibah, Bantuan Kecemasan dan Bantuan Am Persekolahan.



BANTUAN: Ahmad Saifuddin menyampaikan bantuan di Kg Patau-Patau Dua.

Katanya, jumlah bantuan yang telah diagihkan kepada empat keluarga itu adalah sebanyak RM20,100.00 di samping sumbangan barangan keperluan dapur bernilai RM150 setiap keluarga.


Turut disampaikan MAIWP ialah sumbangan duit raya untuk anak-anak asnaf.

Jelas Ahmad Saifuddin lagi, pihaknya akan terus mengenali pasti kumpulan asnaf di sini bagi memanfaatkan sepenuhnya kutipan zakat yang dikumpulkan.


"Kami memerlukan kerjasama orang ramai membantu mengenal pasti keluarga yang layak menerima bantuan zakat," katanya.

Ahmad Saifuddin berharap tiada yang tercicir menerima bantuan yang disediakan sebagai sebahagian usaha menghapuskan kemiskinan dan membantu kehidupan keluarga yang memerlukan.

Sehingga Mei, bilangan penerima Bantuan Kewangan Bulanan MAIWP di Labuan ialah 2727 orang dengan jumlah agihan RM3.6 juta.



CERIA: Kanak-kanak turut menerima duit raya.



ZIARAH: Keluarga asnaf terima kunjungan MAIWP.